

SEPAK TAKRAW



1. NAMA

Kejohanan ini dinamakan Kejohanan Sukan Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM) 2010.

2. KELAYAKAN

2.1 Semua pelajar Universiti Awam di Malaysia yang bergabung dengan Majlis Sukan Universiti Malaysia layak menyertai Sukan MASUM dan Universiti-Universiti yang dijemput MASUM.

2.2 Peserta

2.2.1 Semua pelajar yang berdaftar dan menghadiri kursus sepenuh masa di peringkat Diploma dan Ijazah Pertama yang ditawarkan di Universiti Awam Malaysia yang menjadi ahli MASUM

2.2.2 Semua pelajar yang berdaftar dan menghadiri kursus sepenuh masa di peringkat pasca siswazah layak mengambil bahagian dengan syarat mendapat pengesahan daripada Jabatan Pengajian Siswazah IPTA masing-masing.

2.2.3 Pelajar Pra-U, Pra-Diploma, Pra-Ijazah adalah tidak dibenarkan mengambil bahagian. Hanya pelajar Pra-U, Pra-Diploma, Pra-Ijazah, Matrikulasi dan Kursus Asasi yang diuruskan oleh Universiti berkenaan dibenarkan mengambil bahagian.

2.2.4 Pelajar-pelajar tahun akhir yang telah menamatkan pengajian hanya layak mewakili Universiti sehingga semester berkenaan berakhir sahaja.

2.2.5 Borang-borang penyertaan yang lengkap dengan nama peserta dan lain-lain maklumat yang diperlukan hendaklah dikemukakan oleh pasukan kepada pihak pengelola tidak lewat tarikh yang telah ditetapkan. Pertukaran peserta boleh dibuat semasa Taklimat Pengurus Pasukan sebelum pertandingan bermula.

3. PERATURAN

3.1 Selain dari peraturan yang terkandung, maka Sukan MASUM ini akan dijalankan mengikut Undang-undang Permainan Gabungan Sepak Takraw Antarabangsa (ISTAF) yang berkuatkuasa pada ketika ini.

3.2 Kejadian di luar dugaan dan tidak dinyatakan dalam peraturan dan undang-undang berkenaan diputuskan seperti berikut:

3.2.1 Semua kejadian akan diputuskan oleh Ahli MASUM.

3.2.2 Sebarang persoalan tentang teknikal akan dijawab oleh Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan MASUM.

3.3 Sekiranya timbul sebarang perselisihan dari segi pentafsirannya, maka Undang-undang dalam Bahasa Inggeris yang terkini akan dipatuhi.

3.4 Semua keputusan yang dibuat oleh Ahli MASUM atau Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan MASUM adalah muktamad.

4. PENDAFTARAN / PEMBENTUKAN PASUKAN

4.1 Tiap-tiap pasukan hendaklah mendaftarkan nama-nama pegawai dan pemain masing-masing kepada Jawatankuasa Pengelola Kejohanan.

4.2 Bilangan pegawai dan peserta adalah mengikut Peraturan Am Sukan MASUM 2010.

4.3 Setiap ahli atau pasukan jemputan hanya akan diwakili SATU pasukan sahaja.

4.4 Bilangan pegawai dan pemain:

Berpasukan	Pengurus	Jurulatih	Pemain	Jumlah
Minimum	1	1	9	11
Maksimum	1	1	12	14

4.5 Pendaftaran penuh pemain-pemain hendaklah dibuat melalui BORANG PENDAFTARAN PEMAIN yang mengandungi tidak lebih dari 2 orang pegawai serta tidak kurang dari 9 orang pemain dan tidak lebih dari 12 orang pemain.

4.6 Seseorang pemain berdaftar hanya boleh mewakili SATU PASUKAN sahaja. Jika mana-mana pemain didapati telah berdaftar lebih dari SATU PASUKAN, maka pemain berkenaan secara automatic akan digantung daripada menyertai keseluruhan kejohanan ini dan PASUKAN tersebut akan dihadapkan kepada tindakan tatatertib.

4.7 BORANG PENDAFTARAN PEMAIN berkenaan hendaklah diterima oleh Jawatankuasa Pengelola Kejohanan MASUM pada atau sebelum tarikh tutup Pendaftaran bersama Kad Pemain.

4.8 Pengesahan Penyertaan pada setiap peringkat hendaklah sampai kepada Urusetia Jawatankuasa Pengelola Kejohanan pada atau sebelum tarikh tutup yang ditetapkan.

4.9 Senarai nama pemain mengikut susunan regu hendaklah diserahkan kepada pengadil rasmi 30 minit sebelum jadual perlawanan dimulakan.

5. KAD MATRIK

Semua peserta dikehendaki membawa bersama kad matrik sepanjang kejohanan dijalankan.

6. SISTEM PERTANDINGAN

6.2 Pertandingan akan dijalankan dalam DUA PERINGKAT bagi acara berpasukan iaitu peringkat PUSINGAN PERTAMA dan PUSINGAN KEDUA.

6.2.1 Pertandingan Pusingan Pertama akan dijalankan secara LIGA satu pusingan dan pasukan akan dibahagikan kepada kumpulan secara undian.

6.2.2 Pertandingan Pusingan kedua akan dijalankan secara KALAH MATI.

6.2.3 Pembahagian MATA.kategori.
Mana-mana pasukan yang memenangi lawannya dengan:

6.2.3.1	Menang 3 - 0 akan mendapat	3 mata
6.2.3.2	Menang 2 - 1 akan mendapat	2 mata
6.2.3.3	Kalah	0 mata

6.3 Sekiranya selesai semua perlawanan dalam sesuatu KUMPULAN, kiraan MATA diperolehi sama oleh DUA PASUKAN atau lebih, maka kemenangan akan ditentukan dengan cara turutan peraturan berikut:

6.3.1 Kiraan Perbezaan REGU yang di perolehi.

6.3.2 Kiraan Perbezaan SET - Pasukan yang telah memperolehi lebih kiraan perbezaan SET, akan dikira menang.

6.3.3 Kiraan Perbezaan ANGKA-ANGKA MATA - Pasukan yang telah memperolehi lebih kiraan perbezaan ANGKA-ANGKA MATA.

6.3.4 Jika dengan kaedah-kaedah di atas terdapat sama juga oleh DUA PASUKAN sahaja, maka PASUKAN yang telah MENGALAHKAN LAWANNYA akan dikira menang.

6.3.5 Sekiranya kaedah di atas juga tidak mendapat keputusan, maka PASUKAN-PASUKAN berkenaan AKAN DIUNDI bagi menentukan kedudukan Pemenang Kumpulan.

6.4 Semua PASUKAN mestilah berada 30 minit sebelum perlawanan dijadualkan bermula. Jika mana-mana PASUKAN tidak melaporkan diri 10 minit selepas waktu yang dijadualkan atau melaporkan diri dengan pemain-pemainnya yang kurang dari 9 orang. Maka PASUKAN berkenaan tidak layak meneruskan perlawanannya dan dianggap menarik diri bagi kategori Berpasukan.

7. JERSI

7.1 Seseorang pemain bagi setiap Regu hendaklah berjersi seragam dan bernombor yang kekal yang telah didaftarkan di sepanjang Kejohanan ini. Nombor-nombor JERSI bagi setiap PASUKAN hendaklah dari nombor 1 hingga 15 sahaja.

8. PERALATAN

8.1 Bola yang akan digunakan adalah GAJAH EMAS W501

9. MENARIK DIRI DAN MENYERAH KALAH

9.1 Setiap pasukan dimestikan menghabiskan setiap perlawanan dan tidak boleh dengan sengaja memberi kemenangan percuma kepada pihak lawan untuk perlawanan yang akan atau sedang berlangsung. Setiap pasukan dikehendaki meneruskan permainan walaupun telah layak untuk pusingan seterusnya.

9.2 Jika berlaku kecederaan sebelum perlawanan dan pasukan terlibat memberi kemenangan kepada pihak lawan maka pemain yang cedera mestilah mendapat pengesahan daripada Doktor Universiti yang disediakan oleh Tuan Rumah/Jawatankuasa Pengelola.

10. KELEWATAN

10.1 Hanya 10 minit sahaja masa yang diberikan kepada sesuatu pasukan yang lewat dan selepas tamat tempoh masa tersebut, pihak lawannya yang berada di gelanggang akan diberikan kemenangan percuma dengan pemberian 3 MATA dan kiraan mata 21-0, 21-0.

10.2 Jika didapati sesuatu regu dengan sengaja menarik diri/memberikan kemenangan percuma, maka PASUKAN berkenaan akan diambil tindakan tatatertib oleh Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan MASUM.

11. JADUAL DAN GELANGGANG

11.1 Jadual dan gelanggang perlawanan akan ditetapkan oleh Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan MASUM setelah berunding dengan Jawatankuasa Pengelola Kejohanan dan akan diedarkan kepada semua PASUKAN yang mengambil bahagian selewat-lewatnya semasa TAKLIMAT PENGURUS PASUKAN yang akan diadakan sebelum perlawanan hari pertama.

11.2 Jadual yang telah ditetapkan adalah muktamad.

12. PEGAWAI-PEGAWAI PERTANDINGAN

- 12.1 Kejohanan ini akan diadili oleh pengadil-pengadil ASTAF / KEBANGSAAN / NEGERI yang dilantik oleh Lembaga Pengadil AHLI yang menjadi tuan rumah.
- 12.2 Jawatankuasa Pengelola berhak melantik Penjaga-penjaga Garisan yang bertugas bagi setiap perlawanan.

13. HADIAH

Hadiah Sukan MASUM akan disediakan oleh MASUM untuk pemenang Pertama, Kedua dan Ketiga dalam acara berpasukan dan pemenang Pertama, Kedua, dan Ketiga dalam acara perseorangan. (Sila rujuk Peraturan Am Sukan MASUM perkara Bil 18/19).

14. DENDA

Mana-mana pasukan yang menrik diri selepas tempoh pengesahan penyertaan tamat, maka pasukan tersebut tidak dibenarkan untuk menyertai kejohanan Sukan MASUM pada tahun berikutnya bagi acara yang berkenaan

15. PERATURAN LAIN TIDAK DINYATAKAN

- 15.1 Peraturan-peraturan di atas hendaklah dipatuhi melainkan jika ada dinyatakan berlainan dalam pertandingan.
- 15.2 Semua perkara yang tidak dinyatakan dalam peraturan Am ini akan diputuskan oleh Jawatankuasa Induk MASUM dan keputusannya adalah muktamad.
- 15.3 Sebarang pindaan, tambahan atau perubahan peraturan yang ditetapkan TIDAK DIBENARKAN semasa taklimat Pengurus Pasukan